

PENDEKATAN SOSIOTERMINOLOGI DALAM PENGISTILAHAN SENI KRAF MELAYU

*Hasnah Mohamad
Norazlina Haji Mohd. Kiram
(Malaysia)*

Abstrak

Istilah biasanya terbentuk dalam pelbagai sekitaran, seperti di dalam makmal penyelidikan, bengkel pembuatan, pejabat, atau dalam sebarang situasi apabila manusia memerlukan suatu pernyataan baharu. Bidang seni kraf secara umumnya memperlihatkan penciptaan istilah yang disertai inovasi saintifik dan teknologi dalam satu komuniti linguistik, dan bukannya penciptaan istilah berserta pemindahan ilmu saintifik dan teknologi daripada satu komuniti kepada satu komuniti lain. Justeru, sebahagian besar istilah seni kraf didapati terbentuk secara spontan oleh masyarakat setempat. Kajian ini menggunakan pendekatan sosioterminologi yang menegaskan bahawa pembentukan istilah dipengaruhi oleh bidang sesuatu istilah, keadaan tabii manusia yang terlibat dan asal usul rangsangan pembentukan istilah. Menurut Temmerman (2000), sosioterminologi ialah bidang yang mengkaji tentang terminologi dalam masyarakat bahasa yang sebenar. Sesuai dengan kaitannya dengan masyarakat pengguna sebenar, kajian ini lebih bersifat deskriptif. Sosioterminologi diperkenalkan dalam peristilahan untuk menjawab beberapa persoalan yang selama ini tidak terungkaikan oleh teori konsep atau teori tradisional peristilahan. Sejumlah kira-kira 2000 istilah seni kraf Melayu daripada sepuluh subbidang dianalisis menggunakan pendekatan sosioterminologi. Kajian menunjukkan bahawa pengistilahan seni kraf Melayu sebahagian besarnya memanfaatkan bahasa Melayu sebagai sumber, baik bahasa yang terdapat dalam alam Melayu sendiri, iaitu dialek-dialek Melayu, bahasa Melayu Klasik, atau bahasa serumpun. Hanya sebahagian kecil sahaja kata yang diserap dari bahasa-bahasa yang datang dari luar. Setiap sumber istilah bahasa Melayu tersebut mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu dari segi inventori ilmu dan pengalaman peradabannya.

Latar Belakang

Istilah merupakan kata atau frasa yang mengungkapkan konsep-konsep khusus yang diperlukan oleh bidang ilmu tertentu (*Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (PUIBM), 2004). Sesuatu istilah itu mempunyai makna yang tepat dalam konteks bidangnya, justeru dapat diberikan takrif yang tetap. Sejajar dengan kemajuan dunia, perkembangan bidang ilmu akan terus berlaku dari semasa ke semasa. Kemasukan peristilahan antarabangsa melalui wahana bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain dimanfaatkan bagi mengungkapkan pemikiran dalam bahasa Melayu dalam bidang tertentu. Keadaan ini lazimnya lebih banyak melibatkan penciptaan istilah pinjaman

kerana melibatkan bidang yang dibawa masuk daripada komuniti lain ke dalam bahasa Melayu. Hal ini berbeza dengan bidang seni kraf yang secara umumnya memperlihatkan penciptaan istilah yang dibuat berdasarkan inovasi saintifik dan teknologi dalam komuniti linguistik Melayu sendiri. Tambahan pula bahasa Melayu itu sendiri mempunyai kosa kata yang begitu kaya dan boleh dimanfaatkan, selain kosa kata sedia ada dalam bidang seni kraf memandangkan adanya berbagai-bagai bentuk seni kraf Melayu.

Kajian ini menggunakan data Glosari Seni Kraf terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang terdiri daripada sepuluh subbidang, iaitu Seni Tembikar, Corak dan Motif, Seni Tenun, Seni Tekat dan Sulam, Seni Anyam, Seni Batik, Seni Ukir, Keris, Permainan Tradisional Gasing dan Wau, serta Seni bina Tradisional Negeri Sabah. Sejumlah entri dipilih secara rawak untuk dianalisis bagi mengenal pasti dan menghuraikan beberapa perkara seperti pengaruh bahasa Melayu dalam pembentukan istilah ilmu jati, sumbangan peristilahan dalam perkembangan bahasa Melayu serta pengungkapan pemikiran Melayu melalui istilah, khususnya istilah seni kraf.

Pembentukan Istilah Bahasa Melayu

Berbeza daripada kata umum yang asal usulnya jarang diselidik, istilah merupakan hasil penciptaan yang dibuat secara sedar. Dalam sejumlah medan dan bidang yang ditakrifkan dengan baik, penciptaan istilah berlaku mengikut rancangan yang khusus dan boleh menimbulkan spekulasi teori (Sager, 1995). Misalnya, jika kita menemui sejumlah besar persamaan dalam pola penamaan teks yang berhubung dengan butir leksikal, dianggap bahawa kita telah berjaya melaksanakan perkara yang berikut;

- i. mentafsirkan peraturan penamaan yang boleh diterapkan pada sesuatu bidang.
- ii. mewujudkan peraturan bagi penamaan untuk masa depan.
- iii. kemungkinan mengaitkan motivasi pola penamaan pada motivasi penciptaan konsep.

Seterusnya kita juga boleh melihat proses pemikiran yang terlibat dalam pembentukan konsep jika pola penamaan diperlihatkan seperti dalam istilah kompleks yang dikembangkan berdasarkan asas pemilihan bersistem sesetengah sifat dan ciri bagi dimasukkan ke dalam bentuk suatu istilah.

Di samping itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa usaha yang dijalankan untuk membentuk istilah yang sesuai diukur mengikut keperluan pencipta, dan bukannya mengikut keperluan pendengar atau pengguna akan datang. Misalnya, ahli sains bersusah payah menamakan sesuatu konsep dengan cara yang konsisten dan memilih penentu atau penjelas bagi kata nama yang menyatakan ciri sesuatu konsep yang dianggapnya sesuai, namun tiada bukti menunjukkan dalam keadaan tersebut, usaha turut dibuat untuk menguraikan unit istilah pada unsur-unsur supaya lebih mudah difahami. Banyak istilah khas dicipta dengan memperkenalkan fungsi khusus suatu objek yang penting bagi konsep baharu, contohnya;

OBJEK	FUNGSI	ISTILAH BAHARU
<i>agen</i>	<i>menyangga</i>	<i>agen penyangga</i>
<i>bahan</i>	<i>menambah</i>	<i>bahan tambah</i>
<i>talian</i>	<i>mengumpul</i>	<i>talian pengumpul</i>
<i>baris</i>	<i>memasang</i>	<i>baris pemasangan</i>
<i>enjin</i>	<i>membakar</i>	<i>enjin pembakaran</i>

Perincian lanjut dapat menghasilkan entiti yang lebih kompleks, seperti “bahan tambah simen” atau “enjin pembakaran dalam”. Perincian tersebut boleh menggunakan pelbagai kriteria contohnya;

JENIS PERINCIAN (KRITERIA)	CONTOH
Fungsi : kotak peralatan, surat	kotak alat, kotak surat
Bahan : kotak diperbuat daripada keluli	kotak keluli
Tempat : kotak di bawah tingkap	kotak tingkap
Sifat : kad berwarna merah, kuning	kad merah, kad kuning

Pola Pembentukan Istilah

Objek dan kaedah penelitian setiap bidang menentukan setiap konsep yang wujud, manakala pepadanan memerlukan konsep-konsep tersebut. Semua istilah baharu dalam bidang-bidang yang dibawa masuk dari komuniti lain, misalnya bidang sains dan teknologi biasanya memerlukan objek baharu, bahagian-bahagian objek dan proses baharu. Tiga pendekatan utama dalam penciptaan pepadanan baharu adalah seperti yang berikut (*PUPIBM Edisi Baharu, 2004*);

- i. Penggunaan sumber sedia ada. Misalnya, bidang seni bina Melayu mempunyai begitu banyak kosa kata bahasa Melayu berdasarkan kepelbagaian bentuk rumah Melayu serta seni pertukangannya. Oleh itu, istilah-istilah tersebut boleh dimanfaatkan untuk membentuk istilah baharu dalam bidang berkaitan.
- ii. Pengubahsuaian sumber sedia ada. Misalnya, dengan pengubahsuaian ejaan istilah bahasa asing mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Pengubahsuaian ini boleh dibuat secara keseluruhan atau sebahagian kata atau imbuhan istilah berkenaan.
- iii. Penciptaan entiti linguistik yang baharu. Bagi konsep yang benar-benar baru muncul, maka entiti linguistik yang baharu boleh dicipta menggunakan kata-kata sedia ada. Misalnya, "virus nipah" ialah istilah yang dicipta untuk sejenis varian bagi virus yang ditemui oleh pakar mikrobiologi Malaysia tidak lama dahulu.

Penerapan Sosioterminologi dalam Peristilahan Melayu

Sosioterminologi ialah kajian terminologi dalam masyarakat bahasa yang sebenar (Temmerman, 2000). Sosioterminologi diperkenalkan dalam peristilahan adalah untuk menjawab beberapa persoalan yang selama ini tidak terungkaikan oleh teori konsep atau teori tradisional peristilahan. Sosioterminologi menekankan pendekatan deskriptif terhadap terminologi bagi menggantikan pendekatan preskriptif yang digunakan dalam terminologi tradisional. Pertamanya, pendekatan deskriptif menggabungkan kajian sinonimi dan polisemi yang bertentangan dengan kumpulan tradisional yang berpegang pada pendekatan preskriptif tentang keunggulan monosemi. Kedua, tiada pembahagian jelas antara subbidang, dan ketiga berlakunya perkembangan diakronik sesuatu istilah serta kefahaman tentangnya. Seterusnya, prinsip tradisional peristilahan menekankan bahawa konsep dapat ditakrifkan secara intensi dengan menyatakan konsep superordinat dan ciri pembeza. Sebaliknya menurut sosioterminologi, takrif lebih bergantung pada jenis unit kefahaman serta aras dan jenis pengkhususan penghantar dan penerima dalam komunikasi. Keadaan ini mengakibatkan maklumat yang lebih penting atau kurang penting bagi sesuatu takrif itu menjadi berbeza-beza.

Temmerman (2000) seterusnya menyarankan bahawa penerapan pendekatan yang diambil oleh ahli sosioterminologi adalah lebih sesuai dalam menangani takrif istilah berbanding dengan pendekatan takrif istilah secara tradisional. Pihkala (2006) pula menghuraikan secara terperinci perbezaan sosioterminologi dengan terminologi tradisional. Menurut beliau, pendekatan sosioterminologi memperoleh asasnya apabila ahli-ahli terminologi menghadapi masalah yang tidak dapat diselesaikan menggunakan teori dominan peristilahan yang diasaskan oleh Wüster (1995). Kritikan ahli-ahli terminologi tersebut berkisar sekitar lima perkara yang berasaskan prinsip teori tradisional peristilahan, dinyatakan seperti yang berikut;

Prinsip Peristilahan Tradisional	Pendekatan Sosioterminologi
Terminologi bermula daripada konsep, tanpa mengambil kira bahasa.	Bahasa memainkan peranan dalam pembinaan konsep dan kategori.
Konsep dan sistem konsep mempunyai batas yang jelas secara logik dan ontologi.	Banyak kategori yang kabur dan tidak dapat dikelaskan secara mutlak dari segi logik dan ontologi.
Semua konsep dapat diberikan takrif intensi.	Kadangkala takrif intensi bagi sesuatu konsep tidak dapat atau tidak perlu dibuat.
Setiap konsep hanya merujuk pada satu istilah dan satu istilah hanya boleh merujuk pada satu konsep.	Polisemi dan sinonimi wujud dalam bahasa khusus.
Konsep bagi sesuatu istilah adalah kekal.	Kategori sentiasa berevolusi, istilah pula boleh berubah makna, dan pemahaman manusia tentang sesuatu istilah sentiasa berkembang.

Seterusnya Pihkala (2006) menerangkan lagi bahawa menurut ahli sosioterminologi, bahasa tidak sesuai untuk distandardkan kerana bahasa merupakan struktur abstrak yang mengalami perubahan berterusan. Penggunaan bahasa itu menggambarkan pengetahuan pengguna, pendapat, status sosial dan profesional serta hubungan kuasa antara unsur-unsur tersebut.

Pengistilahan Seni Kraf Melayu

Sesuatu hasil seni itu tidak lahir daripada kosong, sebaliknya lahir daripada sejarah peradaban dan kehidupan masyarakat pendukungnya (Anwar, 2008). Masyarakat Melayu Malaysia begitu kaya dengan warisan seni kraf yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Memandangkan hubungan rapat antara hasil seni masyarakat Melayu dan istilah yang menghuraikan konsepnya, maka sudah pasti istilah tersebut menggambarkan budaya masyarakatnya. Tenunan, sulaman, tekat, batik dan ukiran merupakan antara seni kraf yang

begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Kreativiti dan kehalusan seni begitu jelas terpancar dalam setiap hasil kerja tangan tradisional ini. Misalnya, penggunaan pelbagai tumbuh-tumbuhan tropika dalam menghasilkan pelbagai bentuk barangan seni anyaman tidak dapat dipisahkan daripada cara hidup tradisional masyarakat di Nusantara. Motif pula ialah corak-corak hiasan yang digunakan dalam proses melukis atau menerap batik. Bentuk-bentuk motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama, iaitu motif organik dan motif geometrik. Motif organik berunsurkan alam semula jadi seperti awan larat, tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga, dan haiwan. Contoh motif organik ialah motif ayam, bunga buluh, bunga kerak nasi, bunga orkid, bunga raya, daun sirih, pucuk rebung, rama-rama, dan siput. Manakala contoh motif geometrik pula ialah motif pucuk rebung dan bunga kotak bercampur. Jadual 1 memaparkan entri seni kraf Melayu dan huraian yang sedikit sebanyak dapat menggambarkan pemikiran Melayu dalam pembentukan istilah berkenaan.

Jadual 1 Beberapa contoh entri seni kraf Melayu berserta huraian.

Bil.	Entri	Huraian
1.	anyam tapak bintang	Teknik menganyam tapak atau dasar bakul atau raga yang berbentuk bulat, biasanya anyaman yang dihasilkan berbentuk kelalai.
2.	awan larat	Reka corak ukiran berunsur tumbuhan yang mempunyai peraturan-peraturan dan falsafah khusus yang bentuknya berangkai, bermula dari satu tempat dan berkembang hingga memenuhi ruang seperti awan larat jawa, awan larat boyan, awan selimpat, awan telipuk dan lain-lain.
3.	bunga cempaka	Motif ukiran berunsur tumbuhan berbentuk bunga cempaka.
4.	burung	Motif tekat berunsur makhluk yang mengambil bentuk burung.
5.	itik pulang petang	Motif ukiran berunsur haiwan berbentuk itik berjalan berderetan, lazimnya diukir mengiringi motif besar.

Seni dan Orang Melayu

Seni merupakan paparan budaya milik bangsanya, dijemakan dengan identiti, nilai, adat resam, kepercayaan dan sistem hidup yang tersendiri (Anwar, 2008). Karya seni biasanya dihasilkan secara terancang dengan pengisian tertentu yang menggambarkan identiti pencipta dan masyarakat yang mengawalinya. Lazimnya, seni dikaitkan dengan keindahan dan kecantikan meskipun wujud seni yang tidak memberikan rasa indah kepada penontonnya. Di sinilah letaknya daya tarikan seni itu sendiri dalam keupayaannya menimbulkan pelbagai rasa, tafsiran, fikiran dan persoalan. Seni Melayu pada hari ini menitikberatkan persoalan kesan dan tidak lagi terikat pada ciri-ciri yang digariskan (Rahmah dan Nor Azlin, 2004). Makna “cantik” atau “tidak cantik” juga dilihat daripada persepsi yang berbeza dan meluas serta lebih pada konsep kesenian Barat. Misalnya, terdapat karya seni yang kasar, tidak cantik dan tidak harmoni tetapi dianggap mempunyai nilai dan karya seni yang tinggi oleh orang Melayu. Secara asasnya, kesenian Melayu menekankan ciri-ciri seperti:

- i. Kesan kehalusan
- ii. Keberukiran
- iii. Keseimbangan
- iv. Keharmonian
- v. Keindahan
- vi. Ketenangan

Maknanya, orang Melayu hari ini melihat konsep kesenian dalam bentuk yang berbeza iaitu tertumpu pada aspek estetika (falsafah tentang keindahan). Selanjutnya, tumpuan juga adalah lebih terhadap sesuatu yang tersirat berbanding dengan yang tersurat. Menurut Mahyudin (2004), melalui pengertian estetika, konsep kesenian Melayu dinilai berasaskan pada penghayatan, tanggapan, rasa senang, terharu, menenangkan, bergetar jiwa, syahdu,

tersentuh, terdorong untuk bertafakur dan berfikir, merenung, terkesan dan berasa peka (terhadap sejarah, kemanusiaan, kemasyarakatan, alam, ketuhanan dan sebagainya). Penilaiannya berasaskan pada penaakulan (*cognition*), iaitu proses pengalaman, pengetahuan dan cita rasa yang sedia wujud atau dimiliki dalam ingatan seseorang terhadap sesebuah karya seni. Selain itu, keindahannya juga terpancar melalui penonjolan motif dan penyusunannya sebagai pola dan corak tertentu. Dalam hubungan ini, orang Melayu sering memerhatikan alam sekeliling untuk mencari idea dan ilham bagi mengisi kesenian. Hubungan akrab orang Melayu dengan alamnya membuahakan inspirasi bagi menghasilkan sesuatu barangan yang indah daripada pelbagai sumber. Berasaskan sumber inspirasi inilah, masyarakat Melayu mencipta motif, corak dan pola yang cantik sifatnya. Seterusnya, hasil ciptaan ini diberi nama atau istilah berdasarkan bahan yang digunakan dalam penciptaan seni tersebut. Misalnya, “tikar mengkuang”, “tikar rotan”, dan “tikar buluh” merujuk hasil seni anyaman yang sama, tetapi menggunakan bahan daripada unsur alam flora yang berbeza. Begitu juga dengan penggunaan istilah-istilah lain seperti, ukiran motif “itik sekawan” berdasarkan unsur alam fauna, motif batik “pucuk rebung” menggunakan unsur alam flora, dan corak “kuih putu” yang menggunakan unsur kuih tradisional Melayu.

Secara asasnya, kesenian Melayu bermatlamatkan ketaakulan terhadap penciptanya dan mempunyai interaksi yang baik sesama manusia dan alam. Ini bermakna, pencipta seni kraf harus memahami makna dan falsafah yang terkandung di dalam setiap motif yang diciptanya. Ini penting supaya mereka mampu menyerat dan menghayati nilai-nilai yang dimaksudkan, menyebarkan, dan menempatkan motif itu sesuai menurut alur dan patutnya. Apatah lagi budaya Melayu itu sendiri sangat sehati dengan ajaran Islam. Dalam seni kraf Melayu misalnya, corak seperti bentuk segi empat dikaitkan dengan sahabat Nabi Muhammad s.a.w. yang berempat, bentuk segi lima dikaitkan dengan rukun islam, bentuk segi enam dikaitkan dengan rukun iman, bentuk wajik dikaitkan dengan sifat Allah SWT

yang Maha Pemurah, bentuk bulat dikaitkan dengan sifat Allah SWT yang Maha Mengetahui dan Penguasa alam semesta, dan sekitarnya.

Analisis Istilah Seni Kraf Melayu

Masyarakat Melayu dikatakan tidak lari daripada alam sekelilingnya semasa menghasilkan seni kraf. Keintiman mereka dengan alam semula jadi ini bukanlah satu perbuatan yang sia-sia sebaliknya dapat meningkatkan lagi daya kreativiti dalam penciptaan seni kraf yang luar biasa mutunya. Pada asasnya, persepsi orang Melayu terhadap alam sekeliling tergambar dalam penamaan istilah seni kraf seperti contoh yang berikut;

a) Istilah berasaskan flora

Penggunaan motif yang berunsurkan flora banyak mempengaruhi daya kreativiti orang Melayu dalam penghasilan seni kraf. Fenomena ini berlaku kerana adanya hubungan rapat antara orang Melayu dengan alam sekitar sehingga disebatikan dan diperlihatkan secara harmoni dalam kesatuan sifat rupa dan bentuk. Tumbuh-tumbuhan yang sering dijadikan motif hiasan termasuklah bunga teratai, bunga melur, dan bunga tanjung. Selain itu, ada juga jenis tumbuh-tumbuhan dan bunga yang berbentuk herba dan biasanya mempunyai nilai perubatan tradisional seperti bunga cengkih dan bunga melati. Pemilihan hiasan ini secara tidak langsung menunjukkan kefahaman masyarakat Melayu tentang maklumat mengenai fungsi tumbuh-tumbuhan dan bunga itu sendiri seperti yang dihuraikan dalam contoh berikut;

- bunga melati – melambangkan kesucian. Bunga ini selalu digunakan dalam pelbagai upacara keramaian, adat istiadat dan keagamaan.
- sulur bayung – keistimewaan sulur bayung kelihatan pada sifat bahagian tumbuhan tersebut yang mempunyai alunan gerak balas. Salah satu sulur akan kelihatan tumbuh dan bergerak ke luar, manakala yang satu lagi akan melengkung ke arah berlawanan dan kemudian disambung lagi dengan

lengkungan yang mengarah ke luar. Rentak pergerakan ini juga seolah-olah menyerupai gerakan bunga seni silat yang turut melambangkan identiti Melayu. Asal sulur bayung yang tumbuh dari satu punca pula dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Melayu bahawa Allah itu Maha Esa, iaitu semua makhluk terikat dengan punca yang satu.

- bunga tanjung – melambangkan keramahan dan sifat meraikan tetamu dalam kalangan masyarakat Melayu. Bunga ini sering digunakan semasa menyambut ketibaan para tetamu.
- bunga setaman – motif pada batik dan songket yang mengandungi nilai dan falsafah tentang keluhuran dan kehalusan budi serta keakraban yang bersebuti dengan kedamaian alam.
- pucuk rebung – dikaitkan dengan kesuburan dan kesabaran berdasarkan sifat pucuk rebung yang berkembang biak secara perlahan-lahan.
- awan larat – melambangkan sifat gadis Melayu yang lemah lembut, bersopan santun serta berbudi bahasa tinggi.

b) Istilah berasaskan fauna atau haiwan

Motif haiwan turut menjadi sebahagian daripada perlambangan dalam seni kraf Melayu, terutamanya sebelum kedatangan agama Islam. Kebiasaannya haiwan yang kerap menjadi motif hiasan ialah haiwan yang ingin diteladani sifat semula jadinya seperti berani, suci, pelindung keluarga, dan pembawa tuah baik. Penghayatan masyarakat Melayu terhadap sifat baik ini menggambarkan pengharapan mereka terhadap kesejahteraan dan kerukunan dalam kehidupan. Antara haiwan yang sering ditonjolkan ialah burung bangau, ayam, gajah, kerbau, merpati, lebah dan semut. Contoh penggunaan haiwan tersebut dan falsafah di sebalik pemilihannya dijelaskan seperti yang berikut;

- semut beriring – melambangkan sifat disiplin, bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam kalangan semut demi kesejahteraan dan keharmonian komuniti haiwan berkenaan.
- lebah bergantung – lebah bergantung ialah motif yang mengambil bentuk sarang lebah yang mengandungi madu lebah yang dapat dikaitkan dengan ketekunan dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas secara berkumpulan sehingga membuah hasil yang dapat dimanfaatkan bersama demi kebaikan komuniti.
- itik sekawan, dan itik pulang petang – melambangkan sifat bersatu hati, kerukunan dan ketertiban yang tergambar dalam kalangan haiwan itik yang keluar serentak pada waktu pagi dan pulang ke kandang pada waktu senja. Pemilihan sifat ini menggambarkan penghayatan masyarakat Melayu terhadap sifat baik yang dapat diteladani dalam menjalani kehidupan.
- burung – motif burung-burung berterbangan di sebalik awan biru merupakan metafora kedamaian dan kebebasan, kesenangan setelah melalui ranjau dan halangan.

c) Istilah berasaskan kosmos

Alam kosmos seperti bulan, bintang, matahari, dan awan yang turut menjadi sumber inspirasi orang Melayu dalam menghasilkan seni kraf menggambarkan daya kreativiti yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Beberapa contoh penggunaan unsur kosmos dalam pengistilahan seni kraf Melayu adalah seperti yang berikut;

- matahari bersinar – motif matahari bersinar kerap ditonjolkan pada ukiran-ukiran kayu di tebar layar, iaitu sudut yang menemukan kedua-dua bumbung di penghujungnya.
- bulan dan bintang – motif bulan dan bintang dipilih berdasarkan penghayatan masyarakat terhadap agama Islam. Lazimnya motif ini diletakkan pada ukiran

kisi-kisi rumah ataupun diletakkan di puncak bumbung dan menara masjid, melambangkan penghayatan masyarakat yang begitu tinggi terhadap agama Islam.

- gunung – motif tiga gunung yang selari, gunung yang di tengah biasanya lebih tinggi daripada gunung yang di kiri dan kanannya. Motif ini merupakan motif ukiran kayu yang sering diletakkan di atas pintu atau tingkap rumah orang Melayu. Pemilihan motif ini menggambarkan sifat kepimpinan yang mulia dan dapat dicontohi.

d) Istilah berasaskan bentuk geometrik

Corak geometrik terbahagi kepada dua, iaitu corak geometrik tulen dan corak geometrik yang berasaskan alam sekeliling, seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

- bunga tampuk manggis – merupakan corak geometrik berasaskan tumbuh-tumbuhan. Corak ini dihasilkan dalam bentuk yang mirip geometri terutamanya pada tenunan songket Melayu. Selain itu corak ini juga kerap dilihat pada anyaman kelarai, tikar mengkuang, tudung saji atau pelbagai barangan lain. Pemilihan corak-corak ini menunjukkan penghayatan masyarakat Melayu terhadap struktur biologi tampuk manggis yang dicipta begitu unik dan sistematik oleh Allah SWT.
- kelarai belah ketupat – motif ini dikatakan dipengaruhi oleh unsur makanan tradisional ketupat daun palas yang dibelah. Motif ini sangat terkenal dalam seni kraf anyaman. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu mempunyai pengamatan yang tinggi terhadap alam sekelilingnya sehinggakan boleh menghasilkan rekaan yang cukup kreatif berasaskan makanan tradisional.

f) Istilah berasaskan Al Quran, Hadis dan kata-kata hikmah

Pengaruh Islam sering dilihat pada motif ukiran kaligrafi Arab yang lazimnya disebut kalimah. Ukiran ini biasanya diletakkan di tempat yang tinggi, terutamanya di atas ambang pintu, di mimbar dan dinding. Pemilihan ayat-ayat biasanya dilakukan oleh orang yang ahli dan kemudian barulah diukir oleh pengukir. Antara ayat-ayat yang lazimnya dipilih ialah Surah Al-Ikhlâs, dan Al-Fatihah.

Pemanfaatan Pelbagai Bahasa dalam Pembentukan Istilah Seni Kraf Melayu

Kajian juga membuktikan bahawa pengistilahan seni kraf Melayu sebahagian besarnya memanfaatkan bahasa Melayu sebagai sumber, baik bahasa yang terdapat dalam alam Melayu sendiri, iaitu dialek-dialek Melayu, bahasa Melayu klasik, atau bahasa suku kaum. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menggunakan istilah serapan bahasa asing. Beberapa contoh istilah tersebut termasuklah *sinumandak*, *ayam den lapeh*, dan *biskut*.

- *sinumandak* – iaitu kata yang berasal daripada bahasa suku kaum Murut yang maksudnya mempunyai kaitan dengan gadis sunti (takrif lengkap: *Motif anyaman berunsur geometri berbentuk retin yang menjadi asas pembelajaran menganyam oleh gadis sunti dalam budaya kaum Murut.*)
- *ayam den lapeh* – penggunaan istilah yang berasal daripada dialek Minangkabau ini menunjukkan betapa kreatifnya pemikiran masyarakat Melayu dalam penciptaan sesuatu istilah. Istilah *ayam den lapeh* menghuraikan *corak batik berunsur tumbuhan berbentuk bunga atau daun tanpa rintik, terdapat pada batik sarung atau batik lepas.*
- *berus* – merujuk pada *alat daripada bulu binatang dan mempunyai pemegang daripada buluh atau kayu yang digunakan untuk menconteng atau mewarnakan kain.* Pemilihan kata *berus* yang merupakan kata serapan daripada bahasa asing (*brush* diubah suai ejaannya ke dalam bahasa Melayu) perlu dibuat kerana maksud yang

telah mantap dalam bahasa asal dan telah diterima masyarakat, penukaran pada istilah lain hanya akan menyebabkan kekeliruan kepada pengguna.

Kesimpulan

Bidang seni kraf secara umumnya memperlihatkan penciptaan istilah yang disertai dengan inovasi saintifik dan teknologi dalam satu komuniti linguistik, dan bukannya penciptaan istilah berserta pemindahan ilmu saintifik dan teknologi daripada satu komuniti kepada satu komuniti lain. Hal ini menyebabkan pembentukan sebahagian besar istilah seni kraf berlaku secara spontan oleh masyarakat tempatan. Kajian menunjukkan bahawa pengistilahan seni kraf Melayu merupakan satu sistem yang sebahagian besarnya terdiri daripada kosa kata bahasa Melayu, baik bahasa yang terdapat dalam alam Melayu sendiri, iaitu dialek-dialek Melayu, bahasa Melayu klasik, atau bahasa serumpun, dan hanya sebahagian kecil sahaja menggunakan bahasa-bahasa yang datang dari luar. Setiap sumber istilah bahasa Melayu tersebut mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu dari segi inventori ilmu dan pengalaman peradabannya.

Bibliografi

- Anwar Din (pnyt.), 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, 2004. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyudin Al Mudra, 2004. *Rumah Melayu Memangku Adat Menjemput Zaman*. Balai Kajian Dan Pengembangan Budaya Melayu Jogjakarta: Adicita Karya Nusa.
- Pihkala, T., 2006. Socioterminology. http://www.tsk.fi/fi/ti/ti101_teksti.html.
- Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2004. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Sager, J. C., 1995. *Kursus Amali dalam Pemprosesan Istilah* (terj.), Sulaiman Masri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temmerman, R., 2000. *Towards New Ways of Terminology Description. The Sociocognitive Approach*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Wuster, E., 2001. *The Machine Tool – An Interlingual Dictionary of Basic Concepts. Terminologie Und Wissensordnung*. Austria: TermNet Publisher.
- Zubaidah Shawal, 1994. *Busana Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Dan Antikuiti, Malaysia.